



BERITA • MUSLIMIN

Program Daurah Tarbiyah Zon Selatan 2025



Program Daurah Tarbiyah Zon Selatan 2025 telah berjaya dilaksanakan pada 13 hingga 14 Disember 2025 bertempat di Resort Seri Menanti, Negeri Sembilan, melibatkan penyertaan dari Johor, Melaka dan Negeri Sembilan.

Program selama dua hari satu malam ini menghimpunkan seramai 63 orang peserta terdiri daripada Anggota Lembaga Koperasi (ALK) dan anggota kawasan. Bertemakan "Koperasi Muslimin Menjana Ekonomi Ummah, Seiring Adat Bersendikan Syariah", program ini turut diserikan dengan elemen adat tempatan Negeri Sembilan sebagai simbol integrasi nilai budaya dan Syariah dalam pembangunan koperasi.



Sepanjang program, para peserta didedahkan dengan pelbagai pengisian ilmiah melalui pembentangan tiga kertas kerja yang merangkumi aspek kontrak muamalat, potensi ekonomi koperasi melalui pelancongan, serta strategi penglibatan ahli muda dan Muslimah. Selain itu, aktiviti kerohanian seperti tazkirah, solat berjemaah dan kuliah Subuh turut menjadi pengisian utama dalam memantapkan kefahaman tarbiyah.

Secara keseluruhannya, penganjuran daurah ini berjaya mencapai objektif dalam memperkukuh kefahaman keagamaan, mempererat kerjasama antara kawasan serta membuka ruang baharu ke arah penjana ekonomi koperasi yang lebih mampan.





Lawatan ke kebun sawit Lot 1660 Kuala Selangor

Aktiviti lawatan ke kebun sawit dilaksanakan secara berkala setiap dua bulan sekali, iaitu sebanyak enam (6) kali setahun. Lawatan ini bertujuan untuk memantau keadaan keseluruhan kebun sawit, termasuk pertumbuhan pokok, tahap kesuburan tanah serta mengenal pasti sebarang masalah seperti serangan perosak, penyakit atau kerosakan fizikal pada pokok.

Selain itu, lawatan ini juga bertujuan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan kebun dijalankan dengan baik dan mengikut jadual yang ditetapkan, seperti pembersihan kawasan kebun, pembajaan, pemangkasan pelepah dan penyelenggaraan saluran. Pemeriksaan terhadap keadaan infrastruktur kebun seperti jalan ladang dan parit turut dilakukan bagi memastikan kelancaran operasi.

Di samping pemantauan dan penyelenggaraan, lawatan ini turut melibatkan aktiviti pengambilan dan pemeriksaan hasil kebun sawit bagi menilai tahap produktiviti serta kualiti buah. Maklumat dan pemerhatian yang diperolehi semasa lawatan akan direkodkan sebagai rujukan untuk perancangan dan penambahbaikan pengurusan kebun pada masa akan datang.



Webinar online MTTM bersama JKPK

Webinar Online ini telah dijalankan pada 20 Disember 2025 secara online di Microsoft Teams yang bertujuan untuk mempromosikan serta memperkenalkan kaedah penggunaan laman web TravelRia, khususnya berkaitan pakej-pakej pelancongan MTTM yang telah disediakan untuk kemudahan pengguna. Para peserta diberikan penerangan terperinci mengenai fungsi laman web, proses pemilihan pakej, kaedah tempahan serta kelebihan menggunakan platform TravelRia dalam merancang pakej pelancongan.

Penglibatan aktiviti ini adalah melibatkan semua JKPK bagi setiap negeri untuk mempromosikan kepada komuniti setempat. Melalui penglibatan aktif JKPK, maklumat berkaitan pakej pelancongan dapat disampaikan dengan lebih meluas dan berkesan kepada masyarakat, terutamanya bagi tujuan penganjuran program lawatan, aktiviti komuniti serta percutian berkumpulan.

Hasil daripada aktiviti ini, MTTM dapat menarik minat semua JKPK bagi membuat pakej pelancongan menggunakan perkhidmatan MTTM dan dapat memperkukuh hubungan kerjasama antara MTTM dan pihak JKPK dalam industri pelancongan.



Latihan bersama Takaful Etiqa

Latihan takaful Etiqa ini dijalankan pada 23 Disember 2025 yang bertempat di IDEAS Hotel Kuala Lumpur. Latihan ini bertujuan untuk memperkenalkan produk terbaru mereka berkaitan dengan Etiqa iaitu “General Ease” kepada peserta. Latihan ini turut disertai oleh dua orang staf Muslimin Travel & Tours (M) Sdn Bhd iaitu Nor Ain Fazira Binti Erman dan Musfirah Adibah Binti Sarbayni.

Sepanjang sesi latihan ini berlangsung, pihak Etiqa telah menyampaikan penerangan secara terperinci dan sistematik berkaitan konsep asas takaful, ciri-ciri utama produk “General Ease”, jenis perlindungan yang ditawarkan, syarat-syarat penyertaan, serta prosedur tuntutan yang perlu dipatuhi oleh pelanggan.

Selain itu, penekanan turut diberikan terhadap kaedah penyampaian maklumat kepada pelanggan dan terdapat juga peserta yang berkongsi pandangan serta mendapatkan penjelasan lanjut daripada wakil Etiqa mengenai isu-isu berkaitan perlindungan takaful.

Hasil daripada training ini, ia dapat memperoleh pengetahuan dan pendedahan baharu berkaitan produk takaful Etiqa, sekali gus dapat membantu meningkatkan keyakinan dan kecekapan dalam menawarkan produk takaful kepada pelanggan serta memberi impak yang positif.

RUMAH UNTUK DIJUAL/ DISEWA

📍 Alamat: Lot 2754,
Jalan Dusun, Meru,
Kapar, 41200 Klang,
Selangor



🏠 Maklumat Rumah:

- Keluasan: Lebih kurang 900 kaki persegi
- 3 bilik tidur • 2 bilik air
- Keadaan rumah kemas dan sesuai untuk keluarga kecil

💰 Untuk Disewa:

- Kadar sewa: RM950 sebulan
- Deposit:
 - 2 bulan sewa
 - Deposit utiliti: ½ bulan sewa (RM475)

💰 Untuk Dijual:

- Harga: RM250,000.00
- ✓ Lokasi strategik
- ✓ persekitaran tenang
- ✓ mudah akses ke kemudahan asas seperti kedai, sekolah dan jalan utama.

Notis Peringatan:

Persediaan Menghadapi Mesyuarat Agung Kawasan (MAK) Akan Datang Dalam Tempoh 3 Bulan

KAD NFC KOPERASI MUSLIMIN KINI TERSEDIA!

Mudah, pantas & praktikal untuk kegunaan harian anda
Boleh digunakan untuk tol, tempat letak kereta & pengangkutan awam, siap tersedia dengan RM10 di dalamnya.

Untuk pembelian sila hubungi :
019-6607582 (Keanggotaan)



Perutusan ALK



Salam hormat kepada anggota Koperasi Muslimin dan MTTM,

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, kita dapat terus melangkah ke hadapan sebagai sebuah koperasi yang kukuh, progresif dan berteraskan nilai syariah. Sokongan serta kepercayaan berterusan daripada para anggota menjadi tunjang utama kepada kejayaan dan kelangsungan Koperasi Muslimin serta MTTM dalam menghadapi cabaran semasa.

Melalui semangat muafakat dan kerjasama erat, pelbagai inisiatif serta perancangan strategik telah dan akan terus dilaksanakan demi memastikan manfaat yang mampan kepada semua anggota. Koperasi bukan sekadar sebuah organisasi ekonomi, malah platform kebajikan dan pembangunan ummah yang menuntut penglibatan aktif setiap ahli.

Sehubungan itu, marilah kita bersama-sama memperkukuh peranan masing-masing, menyokong segala program dan aktiviti yang dirancang, serta menyumbang idea dan tenaga demi kemajuan bersama. Semoga usaha kolektif ini terus diberkati dan membawa kesejahteraan kepada seluruh anggota serta masyarakat keseluruhannya.

Sekian, wassalam.
Terima kasih.